



Skim bantu syarikat Bumiputera ke Bursa

» Ekuinas perkemas SJJB perkasa ekonomi peniaga Melayu

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

E kuiti Nasional Bhd (Ekuinas) memperkemas Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan akan melancarkan skim baru yang diperlengkapkan dalam tempoh terdekat bagi membantu syarikat Bumiputera berkelayaan disenaraikan ke Bursa Malaysia.

Skim itu yang sebelum ini dikendalikan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), adalah sebahagian inisiatif kerajaan untuk memperkasa ekonomi Bumiputera. Skim itu akan diletakkan di bawah Ekuinas sejajar pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Majlis Peremarkahan Ekonomi Bumiputera, September lalu.

Ketua Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata ketika ini pihaknya sedang mengkaji semula skim itu bagi mengenal pasti kebaikan dan juga kelemahan

atau kekurangan yang boleh ditambahbaik pada masa depan.

Katanya, kajian itu sudah di peringkat akhir dan akan dibentangkan kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan kerajaan sebelum diserahkan kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang baru ditubuhkan untuk kelulusan.

"Jika segalanya berjalan lancar, kami menjangkakan skim yang telah ditambahbaik serta lebih komprehensif ini akan dapat diperkenalkan dalam tempoh terdekat," katanya kepada *BII* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kajian semula

Mengulas lanjut, beliau berkata, kajian semula itu bukan bertujuan mencari kelemahan mana-mana pihak menguruskan

skim itu.

"Kini ia masih di bawah TERAJU dan kami dalam proses untuk mengambil alihnya. SJJB masih berjalan seperti biasa dan ia tidak dihentikan."

"Sehubungan itu, jika ada mana-mana syarikat Bumi-

putera yang berminat untuk menyertainya boleh terus memohon kepada TERAJU hingga dimaklumkan mengenai sebarang perubahan kelak," katanya.

Sejak SJJB ditubuhkan, tujuh syarikat Bumiputera sudah berjaya disenaraikan di Bursa Malaysia dengan nilai permodalan pasaran mencecah lebih RM2 bilion.

"Syarikat terbaru di bawah skim ini yang disenaraikan di Bursa Malaysia ialah Barakah Offshore Petroleum Bhd dan sahamnya berjaya mencatat premium sebanyak 33 sen pada pembukaan sulungnya.

"Dijangkakan, akan ada satu lagi syarikat di bawah SJJB disenaraikan pada akhir bulan ini," katanya.

Mengenai sasaran jumlah syarikat di bawah SJJB yang akan disenaraikan pada tahun depan, Abdul Rahman berkata, pihaknya perlu mengkaji mengenai perkara itu terlebih dulu.

Selain Barakah Offshore Petroleum, enam syarikat lain ialah Theta Edge Bhd (dulunya Lityan Holdings Bhd); Malaysia Genomics Research Bhd; Cypark Resources Bhd; Handal Resources Bhd; Century Software Holdings Bhd (Censoft) dan Prestariang Bhd.

“Kajian sudah di peringkat akhir dan akan dibentangkan kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan kerajaan sebelum diserahkan kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang baru ditubuhkan untuk kelulusan. Jika

segalanya berjalan lancar, kami menjangkakan skim yang telah ditambahbaik serta lebih komprehensif ini akan dapat diperkenalkan dalam tempoh terdekat”

**Abdul Rahman Ahmad,
Ketua Eksekutif Ekuinas**

FAKTA NOMBOR

RM2

bilion

modal pasaran tujuh syarikat Bumiputera di bawah SJJB